

16/11/1999

Pencalonan: Wanita serah kepada Dr M

Wan Sabariah Shikh Ali

PUTRAJAYA, Isnin - Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berpuas hati dengan prestasi semua calon pergerakan itu yang memenangi pilihan raya umum 1995.

"Mereka sudah bekerja kuat. Sesetengahnya memikul tiga tugas, pada peringkat parti, sebagai wakil rakyat dan memegang jawatan di peringkat kerajaan.

"Yang pentingnya, mereka juga berjaya menyesuaikan diri dengan sebarang peralihan dan perubahan. Bagi saya, mereka yang boleh menyesuaikan diri, adalah orang yang berjaya," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, sama ada calon dari Wanita, termasuk beliau sendiri, akan terpilih semula bertanding dalam pilihan raya umum kali ini, bergantung kepada keputusan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, pergerakan itu tidak akan mendesak untuk mendapatkan tambahan kerusi, sebaliknya mengambil pendekatan bermusyawarah dengan badan perhubungan Umno negeri dalam memilih calon terbaik bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, Wanita lebih suka bersikap matang dan menyerahkan sepenuhnya kepada Presiden parti membuat keputusan mengenai kerusi yang akan diperuntukkan kepada calon Wanita.

Dalam pada itu, katanya, ada perundingan dibuat dengan badan perhubungan Umno di peringkat negeri kerana ramai ahli pergerakan itu bekerja kuat dan mempunyai tapak yang kukuh di beberapa negeri.

"Banyak faktor perlu ditimbang. Kalau setakat tambah kerusi untuk Wanita, kemudian kalah, tidak ada maknanya. Apa yang kita mahu ialah calon terbaik, supaya BN menang.

"Saya percaya jika calon Wanita itu menunjukkan kualiti, sudah lama berkhidmat kepada parti dan mempunyai sokongan akar umbi, Presiden parti akan memberi pertimbangan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang Biro Tata Negara di sini, hari ini.

Setakat ini, kata Siti Zaharah, belum ada senarai akhir mengenai cadangan calon Wanita kerana proses perundingan sedang berjalan.

"Malah, saya sendiri belum tahu lagi, seperti orang lain juga, tunggu dan lihat," katanya.

Pada pilihan raya umum 1995, Siti Zaharah bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Paya Besar, Pahang.

Di peringkat negeri, katanya, badan perhubungan turut membuat beberapa pertimbangan sebelum memutuskan calon.

Faktor penting yang perlu diambil kira, katanya, ialah memastikan formula komponen parti BN tidak terjejas.

Mengenai seruan Dr Mahathir supaya ahli pergerakan itu, bersama Pergerakan Pemuda Umno, turun padang dan menggempur pembangkang, Siti Zaharah berkata, semua strategi sudah dirancang.

Katanya, Wanita akan berusaha membantu memenangi keyakinan pengundi di empat negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis.

"Tetapi kita juga perlu berhati-hati kerana beberapa perbezaan, misalnya di utara dan pantai timur, ada yang Wanita boleh memberikan sentuhan lebih baik, dan ada tempatnya Wanita hanya memberikan bantuan setakat diperlukan," katanya.

(END)